



Anwar beramah mesra bersama delegasi yang menyertai penerbangan bagi lawatan rasmi ke Itali, Perancis dan Brazil. (Foto FB Anwar Ibrahim)

PM ke Itali promosi kerjasama ekonomi

BERITA HARIAN 02 JUL 2025

Anwar turut buat lawatan ke Perancis dan hadiri Sidang Kemuncak BRICS di Brazil

Daripada Halim Mohamed
bhnews@bh.com.my



Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan lawatan ke tiga negara iaitu Itali, Perancis dan Brazil bermula semalam.

Ia akan bermula dengan lawatan rasmi tiga hari ke Itali dan ia sebahagian daripada usaha berterusan Malaysia untuk mengukuhkan hubungan dua hala dan mempromosi kerjasama ekonomi di peringkat global.

Perdana Menteri diiringi Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke; Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Khaled Nordin serta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Antara delegasi perniagaan yang mengikuti lawatan itu termasuk, PETRONAS, Khazanah, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Maybank, FGV Holdings Berhad (FGV) dan Weststar.

Duta Besar Malaysia ke Itali, Datuk Zahid Rastam, berkata lawatan pertama Perdana Menteri ke Itali adalah atas jemputan Perdana Menteri Itali, Giorgia Meloni.

Beliau berkata, Perdana Men-

teri dijadualkan mengadakan mesyuarat dua hala dengan Meloni di Palazzo Chigi dan membincangkan pelbagai perkara merangkumi kerjasama dua hala dalam bidang ekonomi seperti perdagangan dan pelaburan, kerjasama bidang pertahanan, tenaga boleh baharu dan alam sekitar, agrokomoditi dan bidang digital.

"Lawatan PM (Datuk Seri Anwar Ibrahim) ke Itali sangat signifikan bagi mencerminkan hubungan akrab antara kedua-dua negara.

"Kedua-dua pemimpin (Anwar & Giorgia Meloni) dijangka akan menegaskan komitmen kedua-dua negara dalam perkukuh hubungan dua hala yang lebih komprehensif," katanya kepada pemberita di Malaysia menerusi platform Google Meet dari Rom.

Mesyuarat meja bulat

Anwar dan delegasi dijangka menghadiri majlis ramah mesra bersama diaspora Malaysia di Itali, selain menghadiri me-

syuarat meja bulat bersama kapten industri Itali dan Malaysia.

Mesyuarat meja bulat itu akan membabitkan lebih daripada 50 syarikat, persatuan dan industri dari Malaysia dan Itali.

Perdana Menteri juga dijangka mengadakan pertemuan dengan Naib Presiden Comunita Religiosa Islamica Italiana (COREIS), Imam Yahya Pallavicini serta Setiausaha Agung Pusat Kebudayaan Islam Itali dan Masjid Rom, Abdellah Redouane.

Itali adalah rakan dagang kelima terbesar Malaysia dalam kalangan negara Eropah.

Selepas Itali, Perdana Menteri dijadual ke Perancis bagi lawatan rasmi selama dua hari bermula esok dan seterusnya menghadiri Sidang Kemuncak BRICS di Rio de Janeiro, Brazil pada Sabtu ini sebagai negara rakan dalam pakatan yang dianggotai Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan, selain Arab Saudi, Mesir, Emiriah Arab Bersatu, Ethiopia, Indonesia serta Iran.